

Pastikan pemborong beretika dalam perniagaan

Kaedah baharu atasi harga ayam

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 JULAI

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan mencari satu kaedah baharu supaya pemborong tidak menaikkan harga ayam di pasaran sesuka hati.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, kaedah itu diwujudkan supaya pemborong mempunyai etika yang baik dalam aspek perniagaan dan sekali gus mengelakkan mereka menaikkan harga ketika permintaan tinggi.

“Setakat ini, kita telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan strategi termasuk bekerjasama dengan Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani bagi memastikan bekalan ayam terus dijual di MyFarm Outlet dan tidak melalui pemborong.

“Bagaimanapun, buat masa ini Kementerian akan meneruskan pemantauan bagi memastikan harga ayam di seluruh negara terkawal dan tidak terlalu tinggi sehingga boleh membebankan pengguna,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pejabat WorldVentures Malaysia, di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan



HAMZAH ZAINUDIN melihat barangan berupa cenderamata selepas merasmikan Pejabat WorldVentures Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

Dalam Negeri) Kementerian itu, Datuk Basaruddin Sadali dan Presiden Jualan Global WorldVentures, Jon McKillip.

WorldVentures merupakan sebuah syarikat keahlian percutian dan gaya hidup antarabangsa terkemuka dan telah bertapak di 29 pasaran merentasi Amerika Utara, Eropah, Afrika dan Asia.

Dalam pada itu, mengulas lanjut mengenai harga ayam yang

melambung akibat wabak bronkitis berjangkit, Hamzah berkata, pihaknya belum dapat memastikan perkara itu dan hairan mengapa peniaga menjadikannya sebagai alasan untuk menaikkan harga.

“Jika benar sekalipun punca utama disebabkan wabak, mengapa kenaikan harga berlaku di Kota Bharu sahaja. Ini menunjukkan terdapat pemborong yang tidak

berhemah dan menaikkan harga sewenang-wenangnya.

“Oleh itu, kita mengarahkan pegawai di kawasan terbabit menurunkan harga kepada yang asal kerana kenaikan harga sehingga RM15 sekilogram tidak sepatutnya berlaku. Jika terdapat peniaga yang enggan berbuat demikian, kita akan mengambil tindakan di bawah Akta Kawalan dan Anti Pencatutan 2011,” katanya.